

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN LIM HUI YING

TARIKH : 06 DISEMBER 2018 (KHAMIS)

SOALAN NO. 46

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan Persekutuan bagi mengatasi masalah lalu lintas di Negeri Pulau Pinang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Sepertimana yang tertakluk di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat (RIPAD) Wilayah bagi tempoh 20 tahun perlu dibangunkan. Kajian ini mengenal pasti cabaran serta isu berkaitan pengangkutan awam darat di peringkat bandar, negeri dan wilayah seterusnya mencadangkan pelan-pelan tindakan untuk menaik taraf dan meningkatkan kualiti pengangkutan awam darat seiring matlamat dan objektif RIPAD Negara untuk menjadikan pengangkutan awam sebagai mod pilihan rakyat.
2. Pembangunan RIPAD Wilayah kelak akan terdiri daripada Wilayah Selatan, Utara dan Timur. Pulau Pinang adalah termasuk di dalam RIPAD Wilayah Utara bersama Negeri Perak, Negeri Kedah dan Negeri Perlis. RIPAD Wilayah akan dilaksanakan dengan kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri melalui bengkel-bengkel yang diadakan, dan akan diselaraskan dengan rancangan-rancangan pemajuan sedia ada di peringkat negeri termasuk Penang Transport Master Plan (PTMP). Kajian RIPAD Wilayah akan menggariskan cadangan-cadangan projek serta program yang sesuai untuk dilaksanakan termasuk di Pulau Pinang bagi meningkatkan kualiti pengangkutan awam di kawasan terlibat.

Sekian, terima kasih.